



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 1997

ELAUN TANGGUNGJAWAB KHAS PEMANDU

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pemberian Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu kepada Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10.

LATAR BELAKANG

2. Skim Perkhidmatan Pemandu Kenderaan Bermotor yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1997 mengandungi 2 gred iaitu Gred R10 dan Gred R9. Gred R9 adalah merupakan gred kenaikan pangkat dan pemandu Gred R9 tersebut adalah dikehendaki memiliki lesen tertentu dan memandu kenderaan tertentu atau kenderaan yang beratnya melebihi 5000 kg. Sementara itu, Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10 adalah dikehendaki memandu kereta biasa yang beratnya kurang dari 5000 kg. Walau bagaimanapun, adakalanya pemandu Gred

R10 dikehendaki memandu kereta yang tanggungjawabnya lebih mencabar.

Sebagai unsur galakan, Kerajaan telah bersetuju untuk membayar Elaun

Tanggungjawab Khas Pemandu kepada mereka yang terlibat.

PELAKSANAAN

Kelayakan

3. Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu adalah dibayar kepada Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10 yang ditugaskan memandu kenderaan berikut:

3.1 kereta rasmi Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama 'B' dan ke atas serta Gred Khas 'A'; **atau**

3.2 ambulans; **atau**

3.3 kereta yang digunakan di Unit Pencegahan atau Bahagian Pencegahan dan terlibat di dalam tugas-tugas operasi pencegahan (Jabatan Kastam dan Eksais Diraja); **atau**

3.4 kenderaan berat seperti yang tersebut di perenggan 10 (c) dalam Skim Perkhidmatan Pemandu Kenderaan Bermotor yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1997.

4. Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10 yang diarah memandu kenderaan di perenggan 3.4 hendaklah memiliki lesen memandu yang berkaitan dengan kenderaan yang dipandu itu.

5. Pemandu Kenderaan Bermotor yang berada di atas Gred R9 pada 1 Januari 1997 adalah **tidak layak** menerima Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu.

Kadar

6. Kadar Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu ialah RM93.00 sebulan.

Peraturan

7. Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10 yang menjalankan tugas memandu kenderaan yang tersebut di perenggan 3.1 hingga 3.3, yang meninggalkan tugasnya selama 28 hari atau lebih berturut-turut **tidak layak** menerima Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu. Walau bagaimanapun, pengecualian diberi untuk pemandu yang meninggalkan tugasnya bagi tempoh tidak melebihi 92 hari berturut-turut termasuk hari kelepasan mingguan dan kelepasan am, dalam keadaan berikut:

7.1 menghadiri kursus yang diarahkan oleh Ketua Jabatan;

7.2 menjalankan tugas rasmi atas arahan Ketua Jabatan; dan

7.3 bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit mengikut [Perintah Am Bab 'C'](#).

8. Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R10 yang menjalankan tugas memandu kenderaan yang tersebut di perenggan 3.4 bagi tempoh kurang 28 hari hendaklah dibayar Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu bagi hari-hari di

mana beliau menjalankan tugas memandu kenderaan berkenaan. Jumlah jam memandu minima dalam sehari yang melayakkan pemandu Gred R10 dibayar Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu ialah memandu kenderaan berkenaan tidak kurang 4 jam sehari.

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1997.

PEMAKAIAN

10. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI DR MAZLAN BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

JABATAN PERKHDMATAN AWAM

MALAYSIA

KUALA LUMPUR

19 Ogos 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan